

PENDIDIKAN

ARKIB : 15/10/2004

Kursus PTK - YGMB ambil alih peranan IAB

Oleh MARZITA ABDULLAH



M. Thavasothy menerima ucapan tahniah daripada Abdul Rafie Mahat pada majlis penyerahan Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan di IAB, Genting Highlands, baru-baru ini.

YAYASAN Guru Malaysia Bhd. (YGMB) akan mengambil alih peranan Institut Aminuddin Baki (IAB) mengendalikan kursus-kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi warga pendidikan.

Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Abdul Rafie Mahat berkata, pengambilalihan itu bertujuan membolehkan IAB memainkan semula fungsinya sebagai institusi latihan pengurusan dan kepimpinan di peringkat Kementerian Pelajaran dan sekolah.

``Semenjak IAB diberi tanggungjawab mengendalikan PTK setahun yang lalu banyak kursus-kursus sedemikian tidak dapat dilaksanakan kerana memberi laluan kepada PTK," katanya.

Justeru beliau berkata, Kementerian Pelajaran telah menawarkan pengendalian kursus PTK kepada YGMB dan kini menunggu maklum balas daripada pihak berkenaan.

``Jika YGMB sanggup melaksanakannya, maka kementerian akan memberi sokongan dari segi pengurangan kos dan perkongsian premis," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH) di IAB, Genting Highlands, baru-baru ini.

Dalam pada itu beliau menegaskan, sebarang keputusan mengenai tawaran tersebut tidak boleh dilakukan tergesa-gesa.

``Kita tidak mahu YGMB membuat keputusan terburu-buru sebaliknya mahu mereka meneliti tawaran tersebut sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.

Walau bagaimanapun beliau yakin dengan kepakaran YGMB untuk mengendalikan kursus-kursus berkenaan.

``Mereka mempunyai keahlian daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, kita juga mahu memastikan tenaga luar yang diambil oleh YGMB merupakan golongan yang mempunyai pengalaman mantap," katanya.

Mengenai penyediaan kursus pula, beliau berkata, semua isi kandungan kursus akan disediakan oleh pihak kementerian dan YGMB hanya perlu menyediakan tenaga pengajar dan melaksanakannya.

Sebelum itu, Pengarah IAB, Dr. Ishak Sin berkata, banyak kursus-kursus penting untuk warga pendidikan di IAB terpaksa diketepikan untuk memberi laluan kepada PTK.

Antaranya ialah kursus diploma pengurusan dan kepimpinan, pengurusan pendidikan komuniti, latihan dan pembangunan serta pengurusan kaunseling pendidikan.

Bilangan kursus PTK yang dijalankan se-hingga kini ialah sebanyak 363 kursus melibatkan 4,555 peserta terdiri daripada warga pendidikan DG 34, DG 48 dan DG 54.

``Pelaksanaan kursus-kursus tersebut bermula dari peringkat penggubalan kurikulum, penyediaan nota, penyampaian kuliah yang disediakan sendiri oleh para pensyarah IAB," katanya.

Dalam pada itu pada majlis tersebut sebanyak 352 peserta menerima sijil dan diploma masing-masing.

Salah seorang penerima tersebut merupakan guru Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Taman Petaling Jaya, M. Thavasoathy, 50, yang cacat penglihatan.

Thavasoathy merupakan guru mata pelajaran Sejarah menerima sijil NPQH setelah berjaya menamatkan kursus berkenaan yang meliputi enam bulan kursus dan enam latihan praktikal di sekolah.

Beliau memulakan kursus tersebut pada Jun 2001 dan tamat kursus pada Julai 2002.

Turut menerima ialah 97 peserta NPQH calon pengetua dengan ijazah sarjana muda kohort tiga dan empat, 66 peserta NPQH calon guru besar kohort empat dan 41 peserta kursus diploma pengurusan dan kepimpinan pendidikan kohort lapan.

Turut menerima diploma ialah 139 peserta kursus diploma kaunseling pendidikan kohort satu dan kohort dua serta sembilan peserta kursus diploma latihan dan pembangunan kohort dua.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1015&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm#ixzz2vj9FHzcT

© Utusan Melayu (M) Bhd